

POLITIK DALAM PELANTIKAN HAKIM-HAKIM DI MALAYSIA

Oleh

Tun Abdul Hamid Mohamad

Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa *Ketua Hakim Negara (KHN), Presiden Mahkamah Rayuan (PMR), Hakim Besar (Malaya) (HB(M)), Hakim Besar (Sabah dan Sarawak) (HB (SS)), hakim-hakim Mahkamah Persekutuan, Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Tinggi hendaklah dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong (YDPA), yang bertindak atas nasihat Perdana Menteri (PM), selepas berunding dengan Majlis Raja-Raja (MRR).*- Perkara 122B(1).

Pada fahaman saya, peruntukan itu memberi budi bicara kepada PM untuk memilih siapa yang dikehendaknya untuk memenuhi sesuatu jawatan hakim itu. Beliau cuma dikehendaki berunding (*consult*) dengan orang-orang dan institusi yang disebut dalam Perlembagaan itu.

Pada tahun 2009, semasa Tun Abdullah Badawi menjadi PM, Akta Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman 2009 (Akta 695) telah diadakan. Ringkasnya, Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman (SPK) diadakan "*untuk mendukung kebebasan berterusan badan kehakiman*" yang dipertanggungjawabkan sepenuhnya kepada PM. Tugas SPK adalah untuk menerima permohonan orang yang berkecenderungan bagi mengisi jawatan-jawatan hakim di semua peringkat mahkamah atasan.

SPK akan bermesyuarat dan memilih calon yang sesuai mengikut kriteria yang ditetapkan oleh akta itu. Nama calon yang dipilih bagi sesuatu jawatan itu akan dikemukakan kepada PM untuk pertimbangannya. Jika beliau tidak bersetuju beliau boleh meminta dua nama lagi bagi setiap kekosongan. Nampaknya, bagi setiap kekosongan, beliau mestilah memilih salah seorang daripada tiga nama yang dikemukakan oleh SPK.

Selepas itu, beliau dikehendaki berunding (*consult*) dengan orang-orang dan Majlis Raja-Raja (MRR) seperti yang ditetapkan oleh Perlembagaan. Perlu diingati beliau tidak diperlukan mendapat persetujuan (*consent*) mereka (termasuk MRR). Selepas membuat pilihannya, beliau hendaklah menasihati YDPA untuk melantik orang yang dipilihnya. YDPA tiada pilihan dalam hal ini.

Perhatikan PM tidak lagi bebas memilih siapa sahaja yang disukainya. Beliau hanya boleh memilih salah seorang daripada tiga orang yang dipilih oleh SPK. Akta 695 juga tidak menyebut PM boleh memberi nama-nama calon yang dikehendaknya kepada SPK untuk dipilih oleh SPK dan mengemukakan balik kepadanya "*untuk disyorkan bagi pelantikan ke jawatan yang berkenaan*".

Sehingga pelantikan Raja Azlan Shah, walaupun pada masa itu PM mempunyai kebebasan memilih siapa sahaja yang layak mengikut Perkara 123 Perlembagaan,

pelantikan ke jawatan KHN dilakukan mengikut kekananan (*seniority*). Walaupun Tun Abdul Hamid Omar telah lebih lama menjadi hakim daripada Tun Mohd Salleh Abas, dalam Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan, Tun Salleh Abas adalah lebih kanan. Beliau tidak dilantik menjadi hakim kerana perkhidmatan beliau diperlukan dalam perkhidmatan itu. Pada masa itu beliau adalah *de facto* Pendakwa Raya.

Maka, untuk berlaku adil kepada beliau, bagi menggantikan Raja Azlan Shah apabila Tun Mohamed Suffian Hashim bersara, Tun Salleh Abas dilantik terus ke Mahkamah Persekutuan mendahului Tun Abdul Hamid Omar. Apabila jawatan Hakim Besar (Malaya) (HB(M)) menjadi kosong, beliau terus dilantik menjadi HB(M). Maka, pelantikannya mendahului Tun Abdul Hamid Omar bukanlah satu percaturan politik. Sebaliknya, apa yang berlaku beberapa tahun kemudian iaitu penyingkiran Tun Salleh Abas dan pelantikan Tun Abdul Hamid Omar sebagai KHN adalah percaturan politik pertama dan paling serius hingga ke hari ini.

Bahawa hal seperti ini tidak berlaku semasa Tunku Abdul Rahman, Tun Abdul Razak dan Tun Hussain Onn menjadi Perdana Menteri (PM), mungkin kerana tiga sebab.

Pertama, ketiga-tiga mereka adalah peguam kelulusan Inns of Court England. Mereka lebih tahu dan lebih menghormati doktrin pemisahan kuasa (*separation of powers*) antara Eksekutif dan Badan Kehakiman.

Kedua, keadaan politik UMNO pada masa itu lebih stabil dan ketiga-tiga mereka tidak terlalu takut terlepas jawatan Presiden UMNO dan PM.

Ketiga, watak Tun Dr. Mahathir dan fakta beliau menjadi PM terlalu lama. Latar belakang beliau berlainan daripada ketiga-tiga PM terdahulu daripadanya.

Sifat yang ada pada tiga PM terdahulu itu terdapat juga pada Tun Abdullah Badawi. Cadangan demi cadangannya ditentang oleh Raja Azlan Shah, akhirnya Tun Abdullah Badawi mengalah dan menerima saya. Mungkin faktor "*orang kampung saya*" dan "*I know the man*" memainkan peranan.

Faktor Tun Dr. Mahathir menjadi PM yang lama itu memberi lebih keyakinan diri kepadanya untuk menghendaki apa yang beliau mahu.

Biar apa pun, Tun Dr. Mahathir-lah PM pertama yang mempolitikkan pelantikan KHN. Ia bermula dengan penyingkiran Tun Salleh Abas kerana beliau takut kalah kes mengenai pemilihan beliau sebagai Presiden UMNO jika Tun Salleh Abas mempengerusikan persidangan Mahkamah Agung (pada masa itu).

Dalam peristiwa itu, Tun Abdul Hamid Omar telah dilantik menjadi pengerusi suruhanjaya yang ditubuh untuk membicarakan Tun Salleh Abas. Tun Abdul Hamid Omar pada masa itu adalah HB(M), hakim paling kanan selepas Tun Salleh Abas. Ertinya, jika suruhanjaya itu mendapati Tun Salleh Abas bersalah dan menamatkan perkhidmatannya, dari segi kekananan Tun Abdul Hamid Omar-lah penggantinya. Maka, pelantikan Tun Abdul

Hamid Omar sebagai pengerusi suruhanjaya itu adalah percanggahan kepentingan (*conflict of interest*) yang amat nyata.

Sebab itulah orang ramai tidak senang dengan pelantikan Tun Abdul Hamid Omar itu dan mendesak beliau menarik diri. Beliau enggan sambil memberi alasan beliau dilantik oleh YDPA! (Tidak disebut pula siapa yang menasihat Baginda). Akhirnya, apa yang ditakutkan akan berlaku itu pun berlakulah dan Tun Abdul Hamid Omar pun menggantikan Tun Salleh Abas sebagai KHN.

Selepas Tun Abdul Hamid Omar bersara, Tun Eusof Chin dilantik menjadi KHN. Beliau telah melangkau TS Haji Mohd Azmi Kamaruddin dan TS Harun Hashim, yang juga lebih kanan daripadanya sebagai Hakim Mahkamah Tinggi. Mereka telah dilangkau sekali lagi oleh TS Lamin Mohd Yunus dan TS Wan Adnan Ismail yang dilantik menjadi PMR dan oleh TS Anuar Zainal Abidin yang dilantik menjadi HB(M).

Sayugia diingati TS Haji Mohd Azmi adalah seorang daripada lima orang hakim yang bersidang di Mahkamah Agung dan mengeluarkan perintah yang menyebabkan mereka digantung tugas oleh Yang di-Pertuan Agong, semestinya atas nasihat Tun Dr. Mahathir.

TS Harun Hashim pula kerap mengeluarkan perintah semakan kehakiman (*judicial review*) terhadap Eksekutif dan membuat keputusan bahawa UMNO adalah sebuah pertubuhan haram.

Tun Eusof Chin digantikan oleh Tun Mohamed Dzaidin Abdullah. Pelantikan Tun Mohamed Dzaidin juga menarik. Namanya diumumkan selepas mesyuarat Majlis Raja-Raja (MRR). Tindakan MRR yang seolah-olah menggambarkan MRR-lah yang menentukannya itu, boleh dipersoalkan.

Selepas itu Tun Dr. Mahathir dapat memilih orangnya semula. Sebagai pengganti Tun Mohamed Dzaidin beliau melantik orang Kedah, Tun Ahmad Fairuz Sheikh Abdul Halim. Pelantikan beliau telah melangkau TS Abdul Malik Ahmad, TS Siti Norma Yaacob dan TS Haidar Md Noor. Tun Dr. Mahathir telah bersara semasa Tun Ahmad Fairuz menjadi KHN. Beliau digantikan oleh Tun Abdullah Badawi yang selalu merujuk kepada saya sebagai “orang kampung” beliau. Sebenarnya, bapanya Dato’ Haji Ahmad Badawi adalah salah seorang penjamin biasiswa saya untuk belajar undang-undang di University of Singapore.

Pada masa itu saya adalah hakim paling kanan selepas Tun Ahmad Fairuz. Tetapi, kepada UMNO, saya mempunyai dosa yang sangat besar dan tidak boleh dimaafkan: saya telah melepas dan membebaskan DS Anwar Ibrahim dalam kes liwatnya yang pertama.

Orang politik tidak membaca alasan penghakiman dan tidak mempedulikan apakah keterangan yang dikemukakan di mahkamah. Kepada mereka, kamu melepas dan membebaskan musuh politik kami, kamu orangnya. Saya terus dicop sebagai “orang Anwar” dan disenarai hitam daripada menjadi KHN. Ini ditambah pula dengan Tun Ahmad

Fairuz yang mahu diberi sambungan selama enam bulan seperti yang dibolehkan oleh Perlembagaan. Itu haknya, tetapi janganlah memburuk-burukkan nama saya supaya saya diketepikan untuk memberi peluang kepadanya untuk disambung.

Untuk mengelak saya menjadi KHN, mula-mula, Dato' Hashim Yusoff, sorang Hakim Mahkamah Persekutuan yang *junior* telah dipilih. Rahsia itu bocor dan Majlis Peguam membocorkan pula rahsia beliau mempunyai lebih dari 30 alasan penghakiman yang tertunggak. Saya difahamkan kemudian, bahawa percubaan Tun Abdullah Badawi untuk mengisi jawatan itu dengan Tun Zaki Tun Azmi juga tidak dipersetujui Sultan Azlan Shah. Jika betul, memang boleh diujahkan bahawa, mengikut Perlembagaan, Sultan Azlan Shah tidak berhak menentang kehendak PM itu. Tetapi, sebagai mantan KHN, beliau mempertahankan faktor kekananan yang senentiasa dihormati hingga kepada pelantikan beliau sendiri, apatah lagi apabila hakim berkenaan hendak dilangkau semata-mata kerana beliau memberi satu penghakiman yang tidak memihak kepada parti PM.

Kemudian, terbit pula video V.K. Lingam ("Correct. Correct, Correct") mengenai percakapannya dengan seorang yang dikatakan berjawatan tinggi dalam Badan Kehakiman berkenaan pelantikan hakim-hakim. Suruhanjaya Penyiasatan ditubuh untuk menyiasatnya. Suruhanjaya itu mengesahkan bahawa suara di sebelah lagi adalah suara Tun Ahmad Fairuz, KHN. Beliau bertanya kepada V K Lingam yang rapat dengan Tun Dr. Mahathir, siapa telah dipersetujui oleh Tun Dr. Mahathir untuk menjadi hakim di berbagai peringkat.

Bayangkan seorang peguam mengetahui rahsia pelantikan hakim, KHN bertanya beliau mengenai perkembangan terakhir, tidak hairan jika beliau meminta pertolongannya untuk meminta sesuatu daripada PM.

Penemuan (*finding*) Suruhanjaya itu menghancurkan peluang Tun Ahmad Fairuz supaya diberi sambungan enam bulan itu. Tetapi, suatu petang, saya berada di pejabat. Saya menerima panggilan daripada Pendaftar Syarikat yang pernah bekerja sebagai *junior officer* saya, dan, sebagai Timbalan Pendakwa Raya, mendakwa di hadapan saya semasa saya menjadi Hakim Mahkamah Tinggi, di Pulau Pinang.

Beliau berkata, *"I have been asked to go and see you (don't ask me by whom) and ask you one question and get the answer straight from your mouth."* "Come", saya menjawab.

Apabila beliau tiba, beliau terus bertanya, *"Is it true that you were the one who arranged for Judge Hishamuddin to hear the ISA case in which he granted damages of RM1 million?"*

Saya menyoal beliau kembali: *"Is it the function of a Federal Court Judge to fix cases for hearing by High Court Judges?"*

Beliau menjawab: "No."

Saya menyoal beliau: *"Haven't you got the answer?"*

Beliau tersenyum dan beredat. Saya termenung sambil terfikir, sampai begitu sekali orang hendak cari salah saya.

Sehari dua kemudian, lebih kurang jam 9.30 pagi saya menerima panggilan telefon daripada Ketua Setiausaha Sulit Tun Abdullah Badawi mengatakan PM hendak berjumpa dengan saya di pejabatnya. Itulah kali pertama saya menerima panggilan telefon daripada pejabat PM dan hari itulah kali pertama saya pergi ke pejabatnya.

Apabila saya masuk, Tun Abdullah Badawi tidak senyum pun kepada saya. Beliau kelihatan serius. Apabila kami duduk, beliau terus berkata, *“Dengar kata you orang Anwar”*. Saya menjawab, *“You tahu dak pada hari pertama rayuan itu didengar, Anwar tak mahu I membicara kesnya sebab dia ingat I orang you. Orang kata I orang Raja Azlan, tapi depa tak tahu Raja Azlan murka pada I kerana I tak pi mengadap. Sampai dia kata “Dah besar, tak ada jemputan di-Raja tak datang”. I jawab I tak mahu hang around the istana sebab I tak mahu orang kata I nak minta favours. I duduk di Pulau Pinang sembilan tahun. Tiap-tiap tahun, hari raya, I ada di kampung. Sekali pun I tak pi rumah terbuka you sebab I tak mahu orang kata I melobi untuk naik pangkat...”*

Sampai di situ beliau menepuk paha saya dan berkata *“I believe you. I am offering the post of President of the Court of Appeal to you. I will tell UMNO, I know the man.”*

Maka saya pun dilantik menjadi PMR dan sebulan kemudian dilantik menjadi KHN, tarikh lantikan itu dikebelakangkan ke tarikh saya dilantik menjadi PMR. Apabila genap umur saya 66 tahun, perkhidmatan saya disambung enam bulan lagi seperti yang dibolehkan oleh Perlembagaan. Apabila Allah Ta’ala menghendaki sesuatu perkara itu berlaku, maka berlakulah ia.

(Saya merasa pelik, semasa Tun Abdullah Badawi menjadi PM, beliau tidak mahu saya menjadi PMR (dan KHN), tetapi setelah kami bersara dan saya sakit, tanpa diundang dan diduga, beliau menziarah saya sebanyak empat kali, dua kali di rumah dan dua kali di hospital. Beliau pergi ke hospital tanpa memberitahu kaki tangan hospital. Saya memanglah tidak tahu. Kali pertama beliau menziarah saya di hospital (Putrajaya) beliau berkata *“I didn’t know you had suffered so much.”* Kali akhir beliau menziarah saya, mungkin dalam tahun 2015, adalah di rumah saya. Saya perhatikan beliau tidak banyak bercakap. Walau bagaimana pun ada sekali beliau *respond* kepada percakapan saya. Saya menceritakan, di satu majlis saya memulakan ucapan saya dengan berkata, *“Saya telah menjalani enam pembedahan, semuanya dari tengkok ke bawah. Insya Allah, apa yang ada di atas dari tengkok masih original”*. Beliau mencelah *“Boleh gelak lagi.”* Itu menunjukkan, pada masa itu, beliau masih faham jenaka saya.)

Pelantikan Tun Zaki mengganti saya memang telah diduga. Beliau adalah PMR pada masa itu, jawatan terkanan selepas KHN. Kasihan kepada TS Alauddin Mohd Sheriff yang tidak pernah tidak bersetuju dengan sesiapa pun. Beliau kerugian sekali lagi apabila beliau diminta mengambil persaraan awal untuk membolehkan Tun Arifin Zakaria

mengganti Tun Zaki. (Saya tidak mengatakan itu patut atau tidak.) Tetapi, ini bukan hasil dari campur tangan ahli politik.

Tun Md. Raus Sharif hanya beberapa bulan muda daripada Tun Arifin Zakaria. Apabila Tun Arifin dilantik menjadi KHN, peluang beliau menjawat jawatan itu adalah tipis. Pelantikan Tun Arifin adalah mengikut kekananan. Secara peribadi, saya cuma mengharapkan Tun Arifin tidak akan meminta penyambungan selama enam bulan itu dan memberikannya kepada Tun Md Raus. Tetapi, sambungan enam bulan itu diberi kepada Tun Arifin, maka tempoh yang tinggal hanyalah beberapa bulan bagi Tun Md Raus menjadi KHN.

Apabila tempoh itu tamat beliau dilantik menjadi Hakim Tambahan Mahkamah Persekutuan selama tiga tahun sekaligus terus menjadi KHN. (Sila lihat *“Keperlembagaan Pelantikan Semula Ketua Hakim Negara Selepas Umur 66 Tahun Enam Bulan”* (06 05 2017) dan lain-lain).

PRU 14 pada 9 Mei 2018 memberi kemenangan kepada PH dan Tun Dr. Mahathir kembali semula menjadi PM, kali ini PM Kerajaan PH. Dalam hanya beberapa bulan, beliau mengulangi apa yang dilakukannya terhadap Tun Salleh Abas dengan menghendaki Tun Md. Raus meletak jawatan, kali ini ditambah seorang lagi, HB(M).

Ia diikuti dengan pelantikan Tun Richard Malanjum, satu pelantikan politik bagi memenuhi tuntutan parti-parti politik dalam Kerajaan PH, terutama sekali dari Sabah dan Sarawak.

Kita tidak tahu apa yang sebenarnya berlaku berkenaan pelantikan Tun Richard Malanjum dan selepas itu, tetapi, TS Tommy Thomas, Peguam Negara PH, ada menceritakan dalam bukunya. *“My Story: Judiciary in the Wilderness.”* Buat masa ini, memadailah saya memetik apa yang ditulisnya dan memberi komen saya. Katanya:

“Satu-satunya calon untuk kedudukan kosong Ketua Hakim Negara ialah Tan Sri Richard Malanjum, Ketua Hakim Sabah dan Sarawak. Ketua Hakim Negara Malanjum bukan sahaja hakim paling kanan di Mahkamah Persekutuan, beliau juga yang paling bijak dan berkebolehan. Atas merit, dia sepatutnya dilantik bertahun-tahun sebelumnya. Tetapi Tun Arifin Zakaria dan Tun Raus dilantik sebagai Ketua Hakim Negara...Halaman 338

Saya terkejut gembira semasa perbincangan saya dengan Perdana Menteri mengenai pengganti Ketua Hakim Negara Raus, apabila beliau menyebut Tan Sri Richard Malanjum. Tun telah mendengar perkara yang baik tentang Richard Malanjum. Kami juga bersetuju dengan tiga pelantikan lain yang disebabkan oleh persaraan Raus dan Zulkefli. Tan Sri Dato’ Sri Ahmad Maarop dinaikkan pangkat daripada Hakim Besar Malaya kepada Presiden Mahkamah Rayuan, Tan Sri Zaharah Ibrahim menjadi Hakim Besar Malaya dan Tan Sri David Wong Dak Wah, Hakim Besar Sabah dan Sarawak. Halaman 338.

Perdana Menteri dan saya berbincang untuk mengisi empat jawatan itu kerana semua penyandang akan bersara dalam tempoh setahun antara satu sama lain. Mahkamah

tertinggi secara semula jadi akan menjadi punca pelantikan tersebut....Kekananan tidak relevan. Kriteria kami adalah integriti, kecekapan, kelakuan, kebebasan dan rekod prestasi yang terbukti dalam penghakiman bertulis...Halaman 342.

Dipersetujui hanya seorang calon yang memenuhi ujian: Hakim Tan Sri Tengku Maimun Tuan Mat. Saya berkongsi dengan Perdana Menteri pengalaman saya ketika hadir di hadapan beliau sebagai pesuruhjaya kehakiman dan hakim Mahkamah Tinggi, dan seterusnya, di Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Persekutuan. Hakim Rohana Yusuf adalah calon yang menonjol untuk Presiden Mahkamah Rayuan. Hakim Dato' Abang Iskandar Abang Hashim pada dasarnya adalah satu-satunya pencabar jawatan Ketua Hakim Sabah dan Sarawak. Hakim Tan Sri Dato' Sri Azahar Mohamed dipilih sebagai Hakim Besar Malaya. Tun gembira kerana dua lantikan paling kanan adalah wanita, sambil berseloroh berkata PAS tidak akan membantah... Akhirnya, dipersetujui bahawa keempat-empat nama itu akan dikemukakan bersama oleh Tun ke Majlis Raja-Raja, walaupun pelantikan mereka akan berperingkat-peringkat. ... Halaman 342.

...Majlis Raja-raja meluluskan pemilihan Perdana Menteri...Halaman 342.

...Saya membuat kunjungan hormat kepada Ketua Hakim Negara Tengku Maimun tidak lama kemudian. Dia menyambut saya dengan mesra di dalam biliknya yang luas di Istana Kehakiman di Putrajaya. Saya menunjukkan nama pilihan Perdana Menteri untuk tiga nama lain. Dia gembira dengan setiap daripada mereka, mengatakan bahawa dia boleh bekerja dengan mereka, dan bahawa mereka boleh bekerja bersama-sama sebagai pasukan yang berkesan.” Halaman 343.ⁱ (Terjemahan saya).

Mengenai pelantikan Tun Richard Malanjum, adakah SPK mengadakan mesyuarat? Siapakah yang mempengerusikan mesyuarat itu? Bagaimana beliau satu-satunya calon? Siapakah yang menentukannya? TS Tommy Thomas?

Daripada apa yang diceritanya, nampaknya beliau sendiri yang memilih nama-nama calon-calon empat jawatan tertinggi itu dan membawanya kepada PM, berbincang dengannya, mendapat persetujuannya, menghantar nama-nama itu ke MRR, mendapat persetujuannya dan menasihati YDPA untuk membuat pelantikan. Dalam kata-kata lain, beliau adalah “*King maker*-nya”.

Di sini, TS Tommy Thomas telah bertindak di luar bidang kuasanya. Sebenarnya Peguam Negara tidak mempunyai peranan dalam pelantikan hakim-hakim. Yang mempunyai peranan untuk memilih calon-calon hakim, termasuk empat jawatan yang tertinggi itu dan mengemukakan mereka kepada Perdana Menteri ialah SPK yang Peguam Negara tidak pun menjadi ahli.

Ingat kembali, Akta 695 menyebut apabila SPK menerima permohonan (semestinya daripada calon-calon itu sendiri), SPK akan bermesyuarat. Adakah keempat-empat nama tersebut memohon untuk jawatan-jawatan itu? Adakah mesyuarat diadakan? Siapakah yang mempengerusikan mesyuarat itu? Tun Richard Malanjum telah bersara. PMR, HB(M), HB(SS) dan Hakim-Hakim Mahkamah Persekutuan, paling kurang, sehingga

kepada Tun Tengku Maimun, semuanya berkepentingan. Selain dari itu, masalah korum juga akan timbul. Jika SPK bermesyuarat untuk memilih calon-calon berkenaan, bagaimana masalah-masalah itu diatasi? Nampaknya semua *procedure* yang ditetapkan oleh Akta 695 telah diketepi atau dilanggar oleh Peguam Negara.

Mengenai pemilihan Tun Tengku Maimun sebagai KHN, orang ramai mungkin tidak tahu bahawa, pada masa itu, Tun Tengku Maimun adalah seorang Hakim Mahkamah Persekutuan yang *junior*.

Mengenai pelantikan Pesuruhjaya Kehakiman (PK), Hakim-Hakim Mahkamah Tinggi, Hakim-Hakim Mahkamah Rayuan dan Hakim-Hakim Mahkamah Persekutuan, selepas diadakan Akta 695, setakat saya menjadi ahli SPK (2009 hingga 2012) saya boleh katakan tidak ada campur tangan politik.

Kesimpulan

Kita telah melihat, semasa Tunku Abdul Rahman, Tun Abdul Razak dan Tun Hussein Onn menjadi PM, boleh dikatakan tidak ada campur tangan politik dalam pelantikan dan kenaikan pangkat hakim-hakim. Kekananan dihormati.

Segala-galanya berubah apabila Tun Dr. Mahathir menjadi PM. Beliau melakukannya sepanjang tempoh beliau menjadi PM dan mengulangnya apabila beliau menjadi PM bagi kali kedua, sebagai PM Kerajaan PH.

Ditekan oleh UMNO dan percayakan maklumat palsu, Tun Abdullah Badawi cuba menghalang saya daripada menjadi KHN, tetapi akhirnya beliau mengalah.

DS Najib menyambung perkhidmatan Tun Md Raus sebagai KHN dan TS Zulkefli Ahmad Makinuddin sebagai PMR dengan cara yang boleh dipersoalkan memberi alasan kepada Tun Dr. Mahathir memaksa mereka melatak jawatan.

Akta 695 tidak menyebut kekananan sebagai salah satu faktor yang dikehendaki diambil kira dalam kenaikan pangkat hakim. Yang disebut ialah:

“(a) integriti, kompetensi dan pengalaman;

(b) objektif, tidak berat sebelah, adil dan peribadi moral yang baik;

(c) ketegasan, kebolehan membuat penghakiman tepat pada masanya dan kemahiran yang baik dalam penulisan undang-undang;

(d) kerajinan dan kebolehan untuk menguruskan kes dengan baik; dan

(e) kesihatan fizikal dan mental.”

Sebagai seorang bekas ahli SPK saya katakan, dibantu oleh laporan yang disediakan oleh SPK, ahli-ahli SPK lebih tahu semua perkara ini pada calon-calon itu daripada seorang Peguam Negara yang baru dilantik dari kalangan peguam swasta. Biar apa pun tugas menilai calon-calon itu diberi kepada ahli-ahli SPK oleh Akta 695.

Daripada apa yang kita lihat, ahli-ahli politik memilih berdasarkan satu faktor, sama ada dia “orang kita” atau tidak.

Alasan itu adalah bercanggah dengan kriteria yang diperuntukkan oleh seksyen 12 dan tanggungjawab PM untuk “*mendukung kebebasan berterusan badan kehakiman*” yang diperuntukkan oleh seksyen 2.

Kita juga dapat perhatikan *modus operandi* ahli politik memilih hakim ke jawatan tertinggi itu. Pilih seorang yang *junior*, yang “boleh bekerja” dengannya yang mempunyai tempoh yang agak panjang, sebelum bersara. Dia akan merasa terhutang budi kepada orang yang melantiknya dan tidak akan “membuat masalah” sepanjang satu tempoh kerajaannya. Soalnya ialah sama ada ia akan memberi kesan negatif kepada kebebasan KHN dan Badan Kehakiman dan tanggungjawab PM “*untuk mendukung kebebasan berterusan badan kehakiman*”.

Saya hujahkan, khususnya untuk kenaikan pangkat ke jawatan KHN, faktor kekananan hendaklah diambil kira. Baiknya faktor kekananan diambil kira ialah, ia akan mengelak perbuatan lobi-melobi dan usaha menjatuhkan imej hakim yang lebih kanan.

Di India, Perlembagaannya memperuntukkan bahawa pelantikan Hakim Besar mengikut kekananan. Tetapi, cara itu pun ada kelemahannya. Akibat peruntukan Perlembagaan itu, ada Hakim Besar-nya yang yang menjawat jawatan itu selama 17 hari dan oleh sebab beliau bercuti sebelum persaraan, beliau tidak masuk ke Pejabat Hakim Besar walau sehari pun!

Saya berpendapat sistem kita yang ada sekarang sudah baik. Kita hanya perlu meminda Akta 695 untuk menambah kekananan sebagai salah satu kriteria yang patut diambil kira melainkan dalam keadaan terkecuali (*exceptional*), bagi pelantikan KHN. Yang penting ialah pemimpin-pemimpin politik hendaklah mematuhi akta itu.

Di halaman 338, TS Tommy Thomas dengan bangganya menulis, “*Oleh itu, dalam masa kira-kira dua bulan PRU 14, empat ketua badan kehakiman baru dilantik, dan dilantik oleh pentadbiran Tun.*”ⁱⁱ

Tetapi, itu juga boleh dilihat sebagai menunjukkan betapa seriusnya campur tangan pentadbiran Tun Dr Mahathir dalam pelantikan hakim. Apa yang dilakukan oleh satu pentadbiran akan diulangi oleh satu pentadbiran lain apabila berlaku perubahan kerajaan kerana masing-masing mahu orangnya sendiri. Sekarang pun sudah ada pemimpin-pemimpin UMNO yang bercakap mengenainya. Maka, akan berterusanlah campur tangan Eksekutif dalam Badan Kehakiman!

05 10 2022

tunabdulhamid@gmail.com
<http://www.tunabdulhamid.my>
<https://tunabdulhamid.me>

ⁱ *The only candidate for the vacant position of Chief Justice was Tan Sri Richard Malanjum, the Chief Judge of Sabah and Sarawak. Chief Justice Malanjum was not only the most senior judge in the Federal Court, he was also the smartest and ablest. On merit, he ought to have been appointed years later. But Tun Arifin Zakaria and Tun Raus were appointed as Chief Justices...*Page 338

...I was pleasantly surprised during my discussion with the Prime Minister as to Chief Justice Raus's successor, when he mentioned Tan Sri Richard Malanjum. Tun had heard good things about Richard Malanjum. We also agreed on the other three appointments caused by the retirement of Raus and Zulkefli. Tan Sri Dato' Sri Ahmad Maarop was promoted from Chief Judge of Malaya to President of the Court of Appeal, Tan Sri Zaharah Ibrahim became Chief Judge of Malaya and Tan Sri David Wong Dak Wah, the Chief Judge of Sabah and Sarawak. Page 338

*The Prime Minister and I discussed filling the four offices as all the incumbents would be retiring within a year of each other. The apex court would naturally be the source of the appointments....Seniority was not relevant. Our criteria were integrity, competence, temperament, independence and a proven track record on written judgments...*Page 342

It was agreed there was only one candidate who satisfied the tests: Justice Tan Sri Tengku Maimun Tuan Mat. I shared with the Prime Minister my experiences of appearances before her as a judicial commissioner and judge of the High Court, and subsequently, in the Court of Appeal and the Federal Court. Justice Rohana Yusuf was the stand out candidate for the President of the Court of Appeal. Justice Dato' Abang Iskandar Abang Hashim was essentially the only contender for the office of the Chief Judge of Sabah and Sarawak. Justice Tan Sri Dato' Sri Azahar Mohamed was chosen as Chief Judge of Malaya. Tun was happy that the two senior-most appointments would be women, jokingly saying even PAS would not object... Finally, it was agreed that all the four names would be submitted together by Tun to the Conference of Rulers, although their appointments would be staggered... Page 342.

*...The Conference of Rulers approved the Prime Minister's selections...*Page 342.

...I paid a courtesy call to Chief Justice Tengku Maimun soon thereafter. She warmly received me in her spacious chamber in the Palace of Justice in Putrajaya. I showed the names of the Prime Minister's choices for the other three names. She was happy with each of them, saying that she could work with them, and that they could work together as an effective team." Page 343.

ⁱⁱ *"Hence, within about two months of GE 14, the four heads of the judiciary were newly appointed, and appointed by Tun's administration."*